



**SYARAT DAN PERATURAN
ANUGERAH IKON SULAM
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
2024**

DEFINISI ANUGERAH IKON SULAM

“ANUGERAH IKON SULAM” (Service Learning Malaysia - University for Society) merupakan anugerah yang mengiktiraf penglibatan aktif pensyarah dalam mengintegrasikan pembelajaran akademik dengan khidmat komuniti. Pensyarah memainkan peranan penting dalam merancang dan membimbing pelajar dalam melaksanakan projek-projek SULAM.

OBJEKTIF ANUGERAH

Anugerah ini bertujuan mengiktiraf dan menghargai sumbangan pensyarah yang cemerlang dalam melaksanakan dan mempromosikan pembelajaran melalui khidmat komuniti.

SYARAT PERMOHONAN

1. Terbuka kepada semua ahli akademik Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
2. Hanya seorang pemenang akan dipilih dari kategori ini.
3. Penyertaan perlu dihantar dalam bentuk slide power point dan diserahkan kepada pihak urus setia sebelum atau pada **9 Oktober 2024 (Rabu)** di alamat emel pkpa@umk.edu.my
4. Penilaian anugerah diambil kira bermula pada **September 2023 hingga September 2024**.

KRITERIA PENILAIAN

Semua penyertaan akan dinilai berasaskan kriteria berikut:

- i. Penglibatan Aktif dalam projek SULAM (20%);
- ii. Kreativiti dan Inovasi (20%);
- iii. Kolaborasi bersama industri/ agensi/ NGOs dan lain-lain (15%);
- iv. Impak projek ke atas pembelajaran pelajar (Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap) (20%);
- v. Impak projek ke atas komuniti yang telah dikenalpasti dan penglibatan pihak komuniti) (20%);

vi. Inisiatif dalam Pengembangan Projek (5%).

BUKTI

Bukti yang boleh disertakan adalah dikira daripada **Januari sehingga September 2024**.

Penglibatan aktif dalam projek SULAM (20%)	<ul style="list-style-type: none"> i. Senaraikan penglibatan peserta dalam pertandingan SULAM (kebangsaan / antarabangsa) ii. Peratus kekerapan dan kehadiran dalam program / aktiviti SULAM
Kreativiti dan Inovasi (20%)	<ul style="list-style-type: none"> i. Nyatakan penggunaan pendekatan baru atau teknologi dalam menyelesaikan masalah. ii. Senaraikan penghasilan bahan atau sumber baru yang inovatif. iii. Nyatakan keupayaan projek untuk menyelesaikan masalah secara kreatif dan praktikal terhadap masalah komuniti.
Kolaborasi bersama industri/ agensi/ NGOs dan lain-lain (15%)	<ul style="list-style-type: none"> i. Bilangan penglibatan bersama industri/ agensi/ NGOs. ii. Bilangan kolaborasi yang bersifat timbal balik dan mempunyai faedah bersama.
Impak projek ke atas pembelajaran pelajar (Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap) (20%)	<ul style="list-style-type: none"> i. Nyatakan kemahiran teknikal yang relevan dengan projek SULAM, seperti penggunaan alat atau teknologi tertentu. ii. Nyatakan perubahan dalam tahap motivasi dan komitmen pelajar terhadap pembelajaran dan projek SULAM.
Impak projek ke atas komuniti yang telah dikenalpasti dan penglibatan pihak komuniti) (20%)	<ul style="list-style-type: none"> i. Potensi projek untuk diteruskan oleh komuniti atau pihak lain selepas tempoh pelaksanaan awal selesai. ii. Komuniti terlibat secara aktif dalam semua peringkat projek dan kerjasama antara pelajar, pensyarah, dan komuniti.
Inisiatif dalam Pengembangan Projek (5%)	<ul style="list-style-type: none"> i. Bilangan projek yang menunjukkan potensi untuk dikomersilkan. ii. Nyatakan inisiatif yang diambil oleh pensyarah dalam merancang, mengembangkan, dan memperbaiki projek.

NILAI ANUGERAH

Penerima Anugerah Ikon SULAM akan menerima **Piala Iringan dan Sijil Penghargaan**.